

Soalan No :18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]

TARIKH : 12.11.2014

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pecahan (breakdown) bayaran-bayaran (sewa pembangunan, penyenggaraan atau maintenance) daripada jumlah bayaran tahunan (RM56 juta-RM69 juta) kepada pemegang konsesi bagi setiap dari enam kampus UiTM yang dibina secara penswastaan (kaedah PPP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI), terdapat enam buah kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah disiapkan iaitu, UiTM Kampus Pasir Gudang, Johor; UiTM Kampus Puncak Alam, Selangor, UiTM Kampus Tapah, Perak, UiTM Kampus Seremban 3, Negeri Sembilan; UiTM Kampus Jasin, Melaka dan UiTM Kampus Kota Samarahan, Sarawak.

Setelah kampus-kampus tersebut siap dibina, tiga jenis pembayaran perlu dibuat oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Kerajaan selaras dengan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani

iaitu bayaran *Availability, Maintenance* dan *Maintenance Reserve Fund*. Ini melibatkan bayaran bulanan sekitar RM4.60 juta hingga 5.62 juta atau RM55.29 juta hingga 67.40 juta bagi setiap kampus berkenaan.

RJM107